



**Siaran Akhbar
Untuk Terbitan Segera 22 Februari 2022**

IGEM 2021 JANA PELUANG PELABURAN SEBANYAK RM4.6 BILION

1. **22 February 2022, Bangi** – Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), *Malaysian Green Technology & Climate Change Corporation* (MGTC), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan rakan pemadanan perniagaan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) hari ini telah berjaya mencatatkan peluang perniagaan bernilai RM4.6 bilion melalui perjanjian Memorandum Persefahaman dan Memorandum Kerjasama dalam penganjuran *International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia* (IGEM) 2021 yang diadakan selama 6 bulan secara maya pada Julai hingga Disember tahun lalu.
2. Bertemakan “*Redefining Sustainability*” program IGEM telah memberi tumpuan kepada pencapaian ekonomi yang lestari dan kesejahteraan alam. Walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi dan pandemik, program IGEM berjaya mencapai keputusan yang membanggakan dengan mencatatkan penyertaan lebih 15,000 pelawat berdaftar, yang terdiri daripada pembuat dasar, usahawan, pakar industri dan perwakilan lebih dari 50 buah negara. IGEM 2021 juga mempamerkan 195 pempamer dan berjaya mengadakan 144 sesi persidangan.
3. Bercakap kepada media semasa sesi sidang akhbar IGEM 2021, Menteri Alam Sekitar dan Air, Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, “KASA sangat komited dalam meningkatkan tindakan yang efisien, cekap dan progresif dalam menangani perubahan iklim negara. Usaha ini juga telah dizahirkan dalam kenyataan rasmi negara sempena persidangan COP 26 yang diadakan di Glasgow, United Kingdom pada bulan November 2021.”
4. “Kerjasama perniagaan yang terjalin semasa IGEM 2021 meliputi pelbagai sektor baharu seperti teknologi hidrogen, kenderaan elektrik dan bandar rendah karbon. Sektor ini dilihat menyokong agenda ekonomi lestari kerajaan selain membantu mewujudkan peluang pekerjaan jangka masa yang panjang untuk rakyat,” tambah beliau lagi.
5. Selaras dengan usaha untuk beralih ke fasa endemik dalam strategi mengurangkan jangkitan COVID-19, KASA turut mengumumkan bahawa

IGEM 2022 akan dijalankan dalam format hibrid. Pameran secara fizikal akan diadakan selama 3 hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) mulai 12 Oktober hingga 14 Oktober 2022. Edisi maya akan bermula sebulan sebelum sesi fizikal. Pelaksanaan IGEM 2022 juga telah menetapkan sasaran potensi perniagaan sebanyak RM3 bilion, dihadiri oleh 30,000 pelawat dan 300 buah pameran yang akan disediakan. IGEM 2022 ini akan menjadi tumpuan utama di kalangan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan dan penyelarasan strategi yang lebih berkesan terhadap perubahan iklim negara.

6. MIDA telah mengesahkan penyertaan IGEM 2022 untuk memainkan peranan penting bagi memudahkan pelaburan masuk dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. IGEM 2021 yang dijalankan secara maya telah menghasilkan 71 project leads dengan potensi pelaburan sebanyak RM 2.52 bilion dalam pelbagai aktiviti.
7. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MIDA, Datuk Arham Abdul Rahman, berkata, “Jalinan kerjasama bersama KASA di dalam IGEM selama ini telah menarik projek-projek strategik yang sejajar dengan Sustainable Development Goals (SDG) dan Alam Sekitar, Dasar Kemampanan dan polisi Sustainability and Good Governance (ESG) untuk Malaysia.”
8. “Model perniagaan teknologi hijau dan alam sekitar memainkan peranan penting dalam meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan mampan dan ESG menjadi kunci kepada daya saing jenama global,” tambahnya.
9. IGEM 2021 telah berjaya menjadi pemangkin kepada ekonomi hidrogen menerusi forum *International Hydrogen Economy Forum and Strategic Lab, 'Visioning a Hydrogen Economy for Malaysia'* yang julung kali diadakan bersama dengan KASA, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), MGTC dan Nano Malaysia. Forum ini meneroka kedudukan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam pengeluaran hidrogen hijau sebagai sumber tenaga bersih dalam pengeluaran tenaga dan pengangkutan, serta dorongan untuk pertumbuhan ekonomi baharu.
10. Pempamer IGEM2021 juga berpeluang mempromosikan inovasi dan kepakaran teknologi hijau Malaysia di peringkat global apabila IGEM 2021 turut menjadi sebahagian daripada program yang diadakan di Pavilion Malaysia di Expo 2020 Dubai.

11. Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Shamsul Bahar Mohd Nor berkata, “Dengan kejayaan IGEM 2021, saya yakin IGEM tahun ini akan membuka peluang baharu untuk penggunaan teknologi hijau yang lebih meluas dalam tempoh pemulihan ekonomi pasca COVID-19, serta meningkatkan usaha pengurangan perubahan iklim dan mempercepatkan pelancaran teknologi dan strategi perubahan iklim dalam membina masa hadapan yang lebih cemerlang.”
12. “Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para peserta pameran, rakan persidangan, rakan strategik dan para pengunjung atas sokongan yang diberikan. Saya berharap mereka dapat meneruskan komitmen masing-masing dengan menyertai kami dan menjadi sebahagian daripada IGEM 2022 ketika kami memberi tumpuan untuk mempercepatkan pencapaian pelepasan sifar bersih,” tambah beliau
13. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.igem.my.

– TAMAT

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) agensi dibawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat untuk menerajui negara dalam Pertumbuhan Hijau, Mitigasi Perubahan Iklim dan Gaya Hidup Hijau.

Tiga dasar nasional, khususnya, Dasar Teknologi Hijau Nasional (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Nasional (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP), menjadi asas peranan MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau.

Inisiatif dan program yang dianjurkan oleh MGTC menyediakan butiran khusus dalam mencapai kesan jangka panjang “Nationally Determined Contribution” (NDC) untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang 2030, meningkatkan Kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Bilion dan penjanaaan 230,000 pekerjaan hijau.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

MIDA adalah agensi promosi dan pembangunan pelaburan utama Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk menyelaraskan dan menggalakkan pelaburan di dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di Malaysia. Penubuhan MIDA pada tahun 1967 telah dijulang oleh Bank Dunia sebagai "pendorong yang diperlukan bagi tindakan penggalakan yang bertujuan, positif dan terselaraskan" yang diperlukan dalam pembangunan perindustrian Malaysia.

Kini, MIDA telah berkembang menjadi organisasi yang kuat dan dinamik dengan lebih daripada 700 pekerja. Beribu pejabat di Kuala Lumpur Sentral, MIDA mempunyai 12 pejabat wilayah dan 20 pejabat luar negara. MIDA terus menjadi rakan strategik perniagaan bagi merebut peluang yang muncul dari revolusi teknologi pada era masa kini. Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.mida.gov.my dan ikuti kami di saluran Twitter, Instagram, Facebook, LinkedIn dan YouTube.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Zaid Karim Shaari

Industry Development

E-mel: zaid@mgtc.gov.my

Telefon: +60 12-297 7625

Wan Hashimah Wan Salleh

Direktor, Green Technology Division

DL: +603-2267 3540 | E-mel: whashimah@mida.gov.my